

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No.

47

Ramadan, Syawal dan Obesiti

Abu Hurairah melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: "Pada hari kiamat akan datang seorang yang berbadan besar lagi gemuk. Namun, di sisi Allah timbangannya tidak dapat melebihi berat sayap seekor nyamuk." Sewajarnya, makanan yang banyak akan menghasilkan tenaga dan stamina yang tinggi untuk ibadah. Namun kenapa sifirnya tidak pernah begitu?

Selanjutnya di hlm. 96

> Surat Cinta Buat Para Pemimpin

hlm. 12

> Kaji Sebelum Caci

hlm. 70

> Umpama Berpuasa Sepanjang Tahun

hlm. 68

> Mengenal Hati

hlm. 85

Nafsu hanya suka pada makanan yang lazat. Akal suka pada makanan yang berzat, tetapi hati suka pada makanan yang berkat. Yang mana penyubur iman?

LAZAT BERZAT BERKAT



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)

RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

ISSN 1985-5400



9 771985 540003


TELAGA BIRU SDN. BHD.



Imbas kod
untuk ke
Facebook
Majalah
Solusi

Sebuah
terbitan





Ziarah ke Bandar-e-Abbas

Tidak ramai orang tahu bahawa di Iran terdapat kelompok sunni yang jumlahnya agak ramai. Di samping golongan Syiah yang menguasai pemerintahan di Iran, terdapat hampir 17 juta orang penganut sunni di bahagian selatan negara itu dan di sekitar Bandar-e-Abbas.

Aku melawat daerah itu pada tahun 2009. Di daerah ini banyak terdapat madrasah yang didirikan oleh masyarakat sunni untuk memberi ruang kepada aliran Ahli Sunah Waljamaah berkembang dalam kalangan anak-anak dan generasi muda. Mereka juga membina masjid-masjid walaupun dalam kepayahan.

Kedatanganku ke sana diatur oleh seorang bekas pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menamatkan pengajian peringkat doktor falsafah dengan kerjasama ulama-ulama di sana. Pandangan pelajar dan ulama terhadap UIAM amat tinggi. Di Bandar-e-Abbas sebagai kota minyak yang terkenal ini, aku sempat bertemu dengan pelajar-pelajar di sebuah madrasah dan memberikan ucapan kepada mereka.

Iktibar Sejarah

Antara ucapanmu ialah tradisi orang sunni suatu ketika dahulu di Iran adalah besar. Perlu ada tradisi ilmu yang kuat dari institusi, dan begitu juga cara ilmu akhlah dapat diintegrasikan. Selama ini berlaku pemisahan atau dikotomi ilmu *diniyyah* (agama) dan melupakan kepentingan ilmu akhlah yang menyatukan diri dengan ilmu *diniyyah* supaya tradisi ilmu bakal menghasilkan sebuah tamadun.

Orang Islam amat cenderung untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti rohaniyah, tetapi masih lemah dengan produktiviti amaliyah. Ini akan menyebabkan pergantungan mereka terhadap orang lain khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Sejarah Parsi amat berkait rapat dengan Islam. Ramai cerdik pandai daripada kalangan ahli sunnah yang menyumbang kepada kebangkitan ilmu-ilmu seperti matematik, astronomi, sains, falsafah dan perubatan. Pencapaian ini harus dikaji secara reflektif supaya generasi hari ini dapat membangunkan epistemologi ilmu dalam Islam yang bersifat integrasi.

Kemudian aku dibawa sendiri oleh seorang maulana yang menjadi ketua dewan ulama sunni bertemu dengan masyarakat sunni untuk menyampaikan ceramah dakwah dan ilmu di samping bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan pendidikan dan kemajuan Islam di Malaysia.

Dalam perjalanan, aku melihat padang pasir yang luas terbentang, hutan-hutan yang menghijau dan pemandangan yang indah. Mereka amat menghargai peranan Malaysia khususnya UIAM yang telah melahirkan pelajar terbaik dalam bidang ilmu wahyu dan mampu berbahasa dalam bahasa Inggeris, Arab dan Parsi dengan baik. Ia dilibatkan dalam institusi madrasah supaya sistem pendidikan dalam kalangan orang sunni dapat ditinjau semula agar proses integrasi terlaksana.

Aku terasa kerdil bersama-sama dengan mereka kerana ilmu agama tidaklah banyak, hanya pengalaman dakwahku sekian lama dapat mengolah ucapan dan ceramah supaya ia sesuai dengan sasaran. Di sebuah madrasah lain yang penuh dengan pelajar-pelajar dan para kepimpinan ulama, aku diminta membicarakan tentang kepentingan ilmu untuk menajua tamadun.

Menyingkap Kehebatan Islam

Aku menyatakan kepada mereka bahawa kehebatan Islam pada zaman 'Abbasiyah dan Andalusia kerana kewujudan **sinergi atau sikap saling melengkapi** antara ulama dengan umara atau ahli ilmu Islam dengan pemimpin. Ia berlaku

Membangunkan Kekuatan Umat Islam

Umat Islam memiliki tiga kekuatan yang harus dibangunkan kembali. Ia hanya boleh berlaku sekiranya ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem dapat dikuasai dengan baik:

1. Umat Islam **pernah membina tamadun** besar yang memberi faedah kepada umat manusia. Kita harus mengambil pendekatan reflektif bukannya nostalgik semata-mata.
2. **Jumlah umat Islam** di dunia hari ini melebihi angka 1.5 bilion. Bayangkan jika sistem pendidikan dalam kalangan umat Islam dan negara Islam berubah ke arah pendidikan ketamadunan, ia bakal melahirkan generasi terdidik bukan sahaja dengan pemahaman pendidikan *diniyyah* (agama) secara komprehensif, tetapi membangunkan ilmu sains dan teknologi sebagai landasan untuk berubah dan maju.
3. Allah mengurniakan **kekayaan hasil bumi yang luar biasa** di hampir semua negara Islam. Minyak, gas, air bawah tanah, torium, uranium banyak terdapat di bumi negara-negara Islam. Apabila ilmu mengurus sistem tidak berkembang, umat Islam menjadi terlalu bergantung kepada kekuatan orang lain terutama dalam bidang sains dan teknologi, dan sesetengahnya membiarkan sumber hasil bumi tersebut dieksploitasi oleh orang lain.

pada zaman pemerintahan al-Ma'mun, al-Mansur, Harun al-Rashid, Umar Abdul Aziz dan ramai lagi.

Kedua, berlaku **integrasi ilmu** antara *al-'ulum al-naqliyyah* dengan *al-'ulum al-'aqliyyah* yang membawa kepada keupayaan memperkasa ilmu mengurus diri dan ilmu mengurus sistem sehingga telah melahirkan sebuah tamadun. Daripada pengalaman ini, ia melahirkan ilmuwan yang mempunyai asas *diniyyah* yang tinggi dan dalam masa yang sama memiliki keahlian dan kepakaran dalam pelbagai bidang tertentu. Mereka bukan sahaja *huffaz* pada usia muda, mendalami



Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM. Dianugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

PROF. DATO' DR. SIDEK BABA

al-Quran menerusi tafsirnya dan menghubungkan kait al-Quran sebagai sumber yang membangunkan sains, astronomi, matematik, perubatan dan juga falsafah.

Ketiga, lahirnya tradisi kajian dan penyelidikan yang menyebabkan **tradisi kecendekiaan** dengan penghasilan buku dan kitab utama yang menjadi rujukan tamadun Islam dan juga digunakan sebagai rujukan orang Barat dan juga Eropah apabila ia diterjemahkan ke dalam bahasa Latin, Ibrani dan Hebrew.

Ibn Sina seorang ilmuwan Parsi yang tersohor menghasilkan ratusan kitab dan kitabnya yang tersohor ialah *al-Qanun fi al-Tib* mengenai bidang perubatan. Ia diterjemahkan ke dalam bahasa Eropah dan kitab itu dirujuk sebagai bahan pengajian peringkat tinggi sebagai rujukan ilmu perubatan untuk berabad-abad lamanya.

Keempat, keupayaan umat Islam memanfaatkan **perbandingan faedah dalam tamadun** dan budaya orang lain dan menjadi sebab penyebaran manfaat ilmu dan juga proses penyesuaiannya dengan tradisi ilmu Islam. Bagi UIAM, kita sedang melakukan integrasi dan pengislaman ilmu supaya ilmu dan tamadun berkembang dalam tasawur yang islamik.

Contoh Iktutan

Dalam majlis tersebut, banyak soalan mengenai sistem dan dasar pendidikan yang harus diikuti telah ditimbulkan. Apakah terdapat sebuah model yang menyeluruh supaya ia boleh mewakili dan dicontohi oleh pihak lain?

Penulis menjawab bahawa sejak pertemuan tokoh-tokoh pendidikan Islam yang diadakan di Makkah pada tahun 1977, banyak perubahan ke arah menjadikan pendidikan *diniyyah* telah berlaku. Seminar, konvensyen dan bengkel banyak diadakan di dunia Islam bagi membincangkan aspek dasar, kurikulum, metodologi, penghasilan buku-buku dan yang amat penting cara menjadikan pendidikan Islam bersifat tauhid.

Setakat ini contoh jelas yang mampu dihasilkan ialah UIAM sebagai bukti nyata terhadap hakikat ini. Ia telah melahirkan ribuan pelajar dalam negara dan luar negara. Pelajar luar negara yang datang dari 110 buah negara diberikan pendedahan mengenai ilmu Islam yang

Globalisasi Barat menggunakan kekuatan teknologi dan budaya popular untuk menguasai pemikiran umat manusia dan cuba memberi konsep maju mengikut acuan Barat. Sedangkan Islam tidak menolak maksud maju, tetapi fokusnya ialah manusia atau pun *rijal*.

bersifat ketamadunan dan ilmu konvensional atau barat yang bersifat perbandingan.

Hari ini UIAM telah berjaya menghasilkan para pelajar yang boleh menguasai bahasa Inggeris dan Arab. Ramai graduan yang kembali ke negaranya menjadi menteri, hakim, pegawai undang-undang, diplomat dan juga terlibat dalam perniagaan berskala besar.

Kesan Globalisasi

Di sebuah masjid yang penuh dengan pelajar madrasah dan ulama, aku telah diberikan tajuk mengenai kesan globalisasi terhadap umat Islam. Aku menyatakan kepada mereka bahawa globalisasi ialah agenda Barat. Globalisasi yang dibawa oleh Barat tidak sama dengan konsep alamiah yang dibawa oleh Islam.

Globalisasi barat menggunakan kekuatan teknologi dan budaya popular untuk menguasai pemikiran umat manusia dan cuba memberi konsep maju mengikut acuan barat. Sedangkan Islam tidak menolak maksud maju, tetapi fokusnya ialah manusia atau pun *rijal*.

Teknologi dalam Islam selamanya alat dan bukannya matlamat. Perkara yang terkandung dalam teknologi dan maksud teknologi itu digunakan amat penting bagi Islam. Komputer umpamanya berguna untuk umat Islam jika perisiannya mengangkat akal budi insan. Sekiranya banyak "sampah sarap" yang mendukung fahaman hedonistik, maka ia tidak lagi bermanfaat bagi kita.

Pembangunan teknologi tinggi (*high-tech*) harus diimbangi dengan sentuhan kemanusiaan tinggi (*high-touch*) supaya wujud titik keseimbangan antara kegunaan dengan nilai guna. Teknologi media baru umpamanya amat memberi kesan kepada pengguna khususnya generasi muda. Umat Islam tidak seharusnya menjadi pengguna setia terhadap kemajuan orang lain sahaja, tetapi menjadi penyumbang terhadap kemajuan umat manusia juga.

Di hujung kembara ke bumi sunni, aku dibawa ke bandar Shiraz untuk bertemu dengan para pendakwah, ahli perniagaan dan juga ilmuwan bagi membincangkan ke arah memperkasa gerak kerja transformasi masyarakat sunni supaya mereka tidak tenggelam dengan arus globalisasi yang terdapat manfaat daripadanya dan dalam masa yang sama terdapat juga ancaman terutama dari sudut pemikiran dan budaya hidup.

Ada sinergi yang cukup baik daripada mereka untuk memberi fokus ke arah membangunkan madrasah yang bersifat integrasi supaya dari situlah ia bakal melahirkan ulama, ilmuwan serta ahli profesional yang dapat menyumbang kepada perubahan dan kemajuan masyarakat sunni.

Aku kagum dengan sinergi ini dan meninggalkan Shiraz dengan seribu kenangan. Kemudian, kami ke Tehran untuk kembali ke Malaysia. Aku sama sekali tidak menduga bahawa kehadiranku disambut dengan ramah oleh rakan Ahli Sunah Waljamaah dan mengharapkan Malaysia dan UIAM membantu mereka menghasilkan graduan yang dapat menyumbang ke arah masa depan yang lebih menjanjikan. Aku terharu dengan hasrat mereka dan sekali lagi aku terasa kerdil kerana aku hanya boleh memberi cetus, tetapi aku tidak memiliki kedudukan mahupun kuasa. **S**

PEMENANG

SILANG KATA SOLUSI SIRI 41

pertama

IDRIS BIN JANTAN
Ipoh, Perak

kedua

FAZILAH BINTI MOHAMED
Meru, Selangor

ketiga

HJ. MOHAMAD YUSOF BIN HJ. OMAR
Kluang, Johor

saguhati

NURSYAZWAN HUSNA BT SHABUDDIN
Kuantan, Pahang


ZAINAL BIN ISMAIL
Tg. Ipoh, Negeri Sembilan

FARAH BT. KADIR
Bangi, Selangor

NURANIZAH BINTI YAAKUB
Kelana Jaya, Selangor

SHAMSIYAH BINTI YUSOF
Kuala Terengganu

JAWAPAN
SILANG
KATA
SIRI 41



SYARAT DAN PERATURAN

1. Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
2. Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari **1 September 2012** hingga **31 Oktober 2012**.
3. Tarikh tutup penyertaan: **31 Oktober 2012**.
Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
4. Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
5. Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
6. Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.
7. Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.
8. Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pemadam, *liquid paper* atau sebagainya.

Poskan penyertaan anda ke:

Peraduan Silang Kata Solusi
Telaga Biru Sdn. Bhd.
28 Jalan Tembaga SD 5/2A,
Sri Damansara Industrial Park,
52200 Kuala Lumpur.

Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).